

Tiang Kilometer

Apakah itu tiang kilometer?

Tiang kilometer adalah penanda jarak dan seksyen jalan yang diperkenalkan pada pertengahan tahun 1970-an bagi menggantikan sistem perbatuan.

Apakah garis panduan yang perlu dirujuk berkaitan tiang kilometer?

Garis panduan yang digunakan adalah Arahan Teknik (Jalan) 9/86: Guidelines For The Installation of Kilometre Post.

Apakah fungsi tiang kilometer?

Tiang kilometer berfungsi sebagai;

- Sumber maklumat dan lokasi rujukan bagi orang awam dan polis.
- Penandaan jalan bagi tujuan pentadbiran dan penyenggaraan jalan.
- Membantu pengguna jalanraya memastikan arah pemanduan yang betul.

Apakah jenis tiang kilometer yang digunakan di Malaysia?

Terdapat dua (2) jenis tiang kilometer iaitu;

- Jenis A
- Jenis B

Apakah ciri-ciri tiang kilometer Jenis A?

Ciri-ciri bagi tiang kilometer Jenis A adalah seperti berikut:

- Diletakkan di setiap 5 km sepanjang laluan.
- Berbentuk segi empat (berbentuk huruf V dari pandangan pelan).
- Mempunyai maklumat nombor laluan.
- Mempunyai maklumat nama destinasi utama dan sekunder.
- Mempunyai maklumat jarak ke destinasi utama dan sekunder.
- Mempunyai maklumat nombor seksyen.



a) Pandangan hadapan.

- Nombor laluan
- Destinasi utama
- Jarak destinasi utama
- Destinasi sekunder
- Jarak destinasi sekunder
- Nombor seksyen



b) Pandangan sisi.

Tiang kilometer Jenis A.

Apakah ciri-ciri tiang kilometer Jenis B?

Ciri-ciri bagi tiang kilometer Jenis B adalah seperti berikut:

- Diletakkan di setiap 1 km sepanjang laluan kecuali pada tiang kelima yang mana ia akan digantikan oleh tiang kilometer Jenis A.
- Berbentuk segi empat.
- Mempunyai maklumat nombor laluan.
- Mempunyai maklumat nama destinasi utama.
- Mempunyai maklumat jarak ke destinasi utama.
- Mempunyai maklumat nombor seksyen.



a) Pandangan hadapan.



b) Pandangan sisi.

Tiang kilometer Jenis B.

Apakah itu destinasi utama?

Destinasi utama merujuk pada ibu negara, ibu negeri, kawasan pelabuhan dan terminal utama seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Pelabuhan Kelang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Apakah itu destinasi sekunder?

Destinasi sekunder merujuk pada daerah dan bandar-bandar lain seperti Rawang dan Muar.



Apakah jarak yang ditunjukkan pada tiang kilometer?

Jarak yang ditunjukkan pada tiang kilometer adalah jarak perjalanan ke Pejabat Pos Besar (untuk bandar besar) dan Pejabat Pos (untuk bandar kecil).

Bagaimanakah lokasi pemasangan tiang kilometer ditentukan?

Tiang kilometer hendaklah dipasang di sebelah kiri jalan sekiranya kenderaan bergerak menuju ke arah utara, timur, timur laut dan barat laut.

Bagi jalan di mana lorongnya dipisahkan oleh pembahagi fizikal (dual carriageway), tiang kilometer hendaklah dipasang di sebelah kiri setiap jalan (carriageway) dalam kedudukan bertentangan di antara satu sama lain.

Tiang kilometer hendaklah ditanam dua (2) meter dari tepi jalan atau di bahagian luar tepi bahu jalan, yang mana dengan jarak yang lebih pendek.

Apakah prosedur kerja pembersihan tiang kilometer?

Tiang kilometer bersama bahan pantul sinar (retro-reflective sheeting) hendaklah dicuci menggunakan air yang bersih, bahan pencuci kimia yang diluluskan/ dibenarkan atau detergen pencuci biasa.

Perhatian perlu diberikan pada bahan pantul sinar semasa kerja-kerja membersih dijalankan untuk mengelak dari calar, tanggal atau mengalami kerosakan lain semasa kerja-kerja pembersihan.

Apakah prosedur kerja mengecat semula tiang kilometer?

Bagi permukaan yang retak dan cat yang tertanggal, bahagian cat tersebut dibuang dengan menggunakan penanggal cat. Kemudian permukaan tersebut dibersihkan dan dicat semula dengan satu (1) lapisan cat asas aluminium dan satu (1) lapisan cat kilauan. Pada permukaan lapisan cat akan diakhiri dengan dua (2) lapisan cat kilauan enamel.

